

## Perkasa infrastruktur UMP

**Pekan:** Universiti Malaysia Pahang (UMP) menjangkakan sejumlah RM1.4 juta sumbangan korporat yang diterima universiti itu mampu menampung kos pembinaan pelbagai kemudahan diperlukan.

Pengerusi Lembaga Pengarahnya Datuk Seri Ibrahim Ahmad berkata, dana yang diterima di bawah Tabung Endowmen MyGift mampu merealisasikan pelbagai infrastruktur yang dirancang seperti projek pembinaan masjid dan bangunan asrama pelajar.

"Dana ini hasil sumbangan zakat dan wakaf daripada badan korporat berjumlah RM546,420 manakala RM854,754 dikumpulkan atas inisiatif pelbagai jabatan di universiti ini sejak Januari lalu.

"Pada masa sama, pihak kami turut menerima sumbangan zakat pelajar berjumlah RM70,000 bagi membantu pelajar UMP yang mempunyai masalah



**IBRAHIM** (depan, kanan) dan Naib Canselor Profesor UMP, **Datuk Seri Dr Daing Nasir Ibrahim** (depan, kiri) bersama rakan strategik terbabit dalam menyalurkan sumbangan kepada Tabung Endowmen MyGift.

kewangan dalam pengajian dan RM50,000 untuk wakaf pembinaan kolej kediaman yang bakal menempatkan pelajar yatim piatu dan asnaf," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis Apresiasi MyGift di Dewan Bankuèt UMP, Kampus Pekan di sini, semalam.

Ibrahim berkata, Tabung Endowmen MyGift yang dilancar sejak 2016 dilihat mampu memperkasakan

pembangunan modal insan serta pembangunan infrastruktur universiti itu melalui kerjasama rakan strategik pusat pengajian itu.

Katanya, pelaksanaan tabung berkenaan membolehkan rakan strategik UMP menyumbang melalui zakat, wakaf dan sedekah, sekali gus menjadi inisiatif dalam melahirkan masyarakat berpendidikan berkualiti.

"MyGift membantu UMP menyalurkan pelbagai in-

sentif dan bantuan, sama ada dalam bentuk projek pengumpulan atau pembangunan," katanya.

Sebanyak 12 rakan strategik terbabit dalam menyalurkan sumbangan kepada Tabung Endowmen MyGift antaranya Tenaga Nasional Berhad, Maybank Islamic Berhad, Bank Islam Malaysia Berhad, UMW Holdings, UMP Holdings dan Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP).